



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
 Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
 Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
 Pejabat Ketua Eksekutif
 Aras 27, Menara Dato' Onn
 Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
 No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4047 6008
 Faks : 03 – 4047 6108
 E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
 Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (33)
 Tarikh : 5 Oktober 2022

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
 Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN SYARAT-SYARAT
 PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DENGAN PERBADANAN
 TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bil. 4 Tahun 2022 yang bersidang pada 1 September 2022 telah bersetuju dengan penambahbaikan syarat-syarat pendaftaran Penyedia Latihan (PL) dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang melibatkan perkara-perkara seperti yang berikut;

2.1 Penyelarasan Syarat Jumlah Modal Berbayar Bagi Semua Skim

- (i) Syarat jumlah modal berbayar bagi program persijilan penuh diselaraskan seperti yang berikut:

Bil.	Bilangan Program Persijilan Penuh	Modal Berbayar (RM)
a.	Satu (1) program	RM100,000
b.	Dua (2) – tiga (3) program	RM150,000
c.	Empat (4) - lapan (8) program	RM200,000
d.	Melebihi 9 program	RM250,000

- (ii) Syarat jumlah modal berbayar bagi PL yang menjalankan program modular sahaja seperti yang berikut :

Bil.	Bilangan Program Persijilan Modular	Modal Berbayar (RM)
a.	Satu (1) program	RM50,000
b.	Dua (2) – tiga (3) program	RM75,000
c.	Empat (4) - lapan (8) program	RM100,000
d.	Melebihi 9 program	RM125,000

- (iii) Syarat ini hanya terpakai kepada PL baharu yang hanya menjalankan program Modular sahaja bagi program yang didaftarkan. Sekiranya PL menjalankan program Persijilan penuh dan Modular syarat seperti di para 2.1(i) adalah terpakai.

2.2 Tempoh Penghantaran Dokumen Pembaharuan Pendaftaran Penyedia Latihan

Tempoh penghantaran dokumen untuk permohonan pembaharuan pendaftaran PL dengan PTPK perlu dikemukakan dalam tempoh **enam (6) bulan sebelum tarikh tamat pendaftaran dengan PTPK.**

2.3 Pembayaran Fi bagi Pendaftaran, Pembaharuan dan Pendaftaran Semula Penyedia Latihan

Pembayaran fi bagi tujuan pendaftaran, pembaharuan dan pendaftaran semula PL hendaklah dibuat dalam **tempoh 14 hari daripada tarikh kelulusan.** Kaedah pembayaran hanya melalui pembayaran secara dalam talian iaitu dengan menggunakan kaedah *Electronic Fund Transfer (EFT)*.

3. Sila ambil perhatian supaya pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh PTPK berdasarkan kepada Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) PTPK. Sehubungan itu, sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi menerusi talian 013-229 7107 atau Puan Syaidatul Nuraiza binti Zahari menerusi talian 03-4047 6188 atau e-mel syaidatul@ptpk.gov.my.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ni amatlah dihargai dan diucapkan dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara”

Saya yang menandatangani amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Salinan kepada:

- i. Fail Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan, PTPK